

Objektif Yayasan PETRONAS

Tujuan utama Yayasan PETRONAS adalah untuk menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat. Objektif dan bidang tumpuan kami adalah seperti berikut:

- **Pendidikan** – Menyediakan lebih banyak peluang bagi para pelajar yang kurang berkemampuan untuk meneruskan pendidikan STEM supaya mereka dapat mencapai potensi masing-masing.
- **Kesejahteraan dan Pembangunan Masyarakat** – Meningkatkan taraf hidup masyarakat dan belia yang kurang berkemampuan dengan menyediakan laluan bagi mereka untuk membina kerjaya serta kebolehpayakan untuk menyara hidup secara mampan dan turut meningkatkan taraf kesihatan mereka.
- **Alam Sekitar** – Menjaga kepentingan alam sekitar menerusi program-program kepelbagaian biologi, pemuliharaan alam sekitar dan neutral karbon.

Prinsip-Prinsip Panduan Yayasan PETRONAS

Yayasan PETRONAS akan mempertimbangkan permohonan untuk sumbangan atau bantuan berasaskan Prinsip-Prinsip Panduan berikut:

- **Mencipta Nilai** – Tujuan Yayasan PETRONAS adalah agar inisiatif yang dilakukan memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat, contohnya, masyarakat, pihak berkepentingan, rakan kongsi, NGO-NGO dan semua pihak yang berkerjasama.
- **Impak Mampan** – Yayasan PETRONAS turut memberi tumpuan kepada inisiatif yang berpotensi untuk menyelesaikan masalah yang mungkin memerlukan penglibatan jangka panjang untuk penambahbaikan berterusan.
- **Penyelesaian Inovatif** - Yayasan PETRONAS juga bertujuan menghasilkan penyelesaian inovatif bagi menangani isu-isu berkaitan pendidikan, kesejahteraan dan pembangunan masyarakat serta alam sekitar.
- **Perkongsian dan Kerjasama** – Yayasan PETRONAS menitikberatkan kerjasama dengan pihak berkepentingan yang dapat menawarkan penyelesaian yang berkesan untuk menangani pelbagai isu.

Syarat Am

Organisasi yang ingin memohon sumbangan digalakkan menyemak Kriteria Kelayakan dan Pengecualian di bawah. Memandangkan Yayasan PETRONAS menerima jumlah permohonan yang besar, maka keutamaan akan diberi kepada permohonan yang menepati syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan.

Pengecualian

Dalam usaha menyelaraskan semua permohonan sumbangan atau bantuan, serta memastikan ia diuruskan secepat mungkin; kami akan memberi keutamaan kepada permohonan yang sesuai dengan kriteria kelayakan.

Sebagai contoh, Yayasan PETRONAS tidak memihak kepada mana-mana organisasi yang cenderung ke arah keagamaan atau politik. Oleh yang demikian, permohonan daripada organisasi dan/atau individu berkenaan akan disaringkan.

Senarai Pengecualian

- i. Organisasi dan/atau persatuan politik
- ii. Individu atau matlamat individu
- iii. Organisasi dengan tujuan keganasan
- iv. Organisasi berasaskan keuntungan
- v. Syarikat dan NGO yang disenaraihitamkan dan/atau tidak berdaftar
- vi. Organisasi yang berkaitan dengan perjudian, alkohol dan tembakau
- vii. Usaha mengutip dana, acara berunsur komersial, mesyuarat persatuan profesional, forum, pameran perdagangan, parti, perayaan, perarakan, pesta dan loteri
- viii. Pengiklanan, penghasilan atau penerbitan buku, filem, video, program televisyen, laman web, promosi barang dagangan, pakatan perkongsian dan/atau pengiklanan
- ix. Kakitangan Kumpulan PETRONAS atau anak syarikatnya
- x. Penempatan kerja, latihan amali, praktikum
- xi. Perbelanjaan operasi seperti gaji, pinjaman, pelaburan, pembiayaan defisit dan/atau pembiayaan sekolah rendah atau menengah swasta (berasaskan yuran)